

11/11/1999

Bonus dikekal jika BN memerintah

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan Barisan Nasional (BN) tetap memberi bonus sebulan gaji atau minimum RM1,000 serta kenaikan 10 peratus gaji pokok kepada semua kakitangan awam jika dipilih semula membentuk kerajaan pada pilihan raya umum kali ini.

"Itu adalah janji kita dan kita akan tunaikan. Tetapi kalau tukar kerajaan dan ambil parti lain, dia (parti lain) nak potong bonus, tak apalah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, malam ini.

Mesyuarat itu antara lain membincangkan mengenai persiapan jentera BN bagi menghadapi pilihan raya umum.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN, berkata memandangkan Belanjawan yang dibentangkan di Parlimen pada 29 Oktober lalu belum mendapat kelulusan Parlimen, satu Belanjawan baru perlu dibentangkan.

"Terpulang siapa menjadi kerajaan. Jika kita (jadi kerajaan), kita akan gunakan Belanjawan yang sama dan jika perlu diperbaiki, kita akan memperbaikinya," katanya bila ditanya mengenai Belanjawan itu.

Belanjawan 2000 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, menjanjikan bonus satu bulan gaji atau minimum RM1,000 dan kenaikan 10 peratus gaji pokok kepada semua kakitangan awam.

(END)